From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 11 August, 2022 8:56:05 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: 127 Atlet UUM Berlepas Ke SUKIPT Edisi Ke-5

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 OGOS 2022 / 13 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Norlia Mazlan
Gambar oleh: Pusat Sukan

127 ATLET UUM BERLEPAS KE SUKIPT EDISI KE-5



UUM ONLINE: Seramai 127 atlet yang mewakili Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berlepas ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak bagi menyertai Sukan Institusi Pengajian Tinggi

(SUKIPT) Edisi Ke-5, 2022 yang akan bermula esok hingga 21 Ogos ini.

Pada penyertaan kali ini, kontinjen UUM akan menyertai 10 acara sukan daripada 21 acara yang dipertandingkan melibatkan lebih 67 buat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari seluruh negara.

Sukan yang disertai atlet UUM ialah boling padang, badminton, sofbol wanita, futsal lelaki, silat olahraga, petanque, golf, karatedo, memanah dan taekwondo.

Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UUM ke SUKIPT 2022 telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed selaku Ketua Kontinjen di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya dan Seni, baru-baru ini.

Ahmad Martadha yang mewakili Naib Canselor mengingatkan atlet agar bermain sebaik mungkin untuk mengharumkan nama university.

“Berjuanglah dengan penuh semangat kesukanan dalam membawa nama UUM di SUKIPT nanti. Semoga banyak kejayaan akan diperoleh sepanjang kejohanan sukan itu nanti,” katanya.

Pada Edisi SUKIPT kali ini Kontinjen UUM mensasarkan dua pingat emas bagi sukan golf dan boling padang selepas mengambil kira rekod pencapaian yang lalu termasuk pencapaian cemerlang atlet dalam beberapa siri kejohanan yang disertai sebelum ini.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.